



Garis Panduan Penyewaan Skrin LED MPSP

UNIT JALAN DAN PARIT
JABATAN KEJURUTERAAN
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 Garis Panduan ini sebagai panduan kepada orang ramai/agensi luar untuk membuat permohonan penyewaan skrin LED MPSP.
- 1.2 Ianya memperjelaskan kadar yang dikenakan, tempoh penyewaan, visual dan syarat-syarat yang perlu dipatuhi.

2.0 SYARAT-SYARAT PENYEWAAN

2.1 Visual iklan

- 2.1.1 Visual iklan yang akan dipamerkan perlulah mendapat pengesahan penggunaan bahasa daripada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- 2.1.2 Mesej dan reka bentuk visual iklan hendaklah jelas, ringkas, tidak mengelirukan dan bersesuaian dengan produk/perkhidmatan yang ingin diiklankan
- 2.1.3 Visual mestilah mengambil kira sensitiviti masyarakat pelbagai kaum di Malaysia tanpa unsur-unsur diskriminasi
- 2.1.4 Visual yang memaparkan gambar lelaki/wanita dalam pakaian atau aksi menjolok mata termasuk iklan berkenaan rokok, arak dan aktiviti yang manjurus kepada perjudian atau perlakuan negatif tidak dibenarkan
- 2.1.5 Visual iklan hendaklah dalam Bahasa Melayu. Perkataan dalam Bahasa Melayu hendaklah diberi keutamaan dari segi saiz, warna dan kedudukan dari bahasa lain. Walau bagaimanapun, penggunaan bahasa lain di atas sebab jenama sesuatu produk adalah dibenarkan
- 2.1.6 Iklan produk-produk farmaseutikal mestilah telah berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia dan perlu mendapatkan kelulusan Lembaga Iklan Ubat (LIU).
- 2.1.7 Iklan parti-parti politik adalah tidak dibenarkan

3.0 KADAR SEWAAN DAN TEMPOH IKLAN

3.1 Kadar sewaan mengikut tempoh adalah seperti berikut:

Tempoh sewaan	Tempoh iklan (saat) untuk setiap 15 minit (satu pusingan)	Kadar sewaan untuk sebulan (RM)
Satu bulan	15	1200
Tiga bulan	15	1100
Enam bulan	15	1000
Dua belas bulan	15	900

3.2 Visual iklan akan dipaparkan tidak kurang daripada 50 kali dari jam 7 pagi hingga 12 tengah malam (setiap hari).

3.3 Penyewa tidak boleh membuat sebarang tuntutan kerugian kepada MPSP jika berlaku sebarang masalah kerosakan ke atas paparan LED kurang daripada 48 jam.

3.4 Iklan untuk program rasmi Kerajaan Negeri akan dikecualikan daripada sebarang bayaran sewaan

4.0 KELULUSAN

4.1 Setiap permohonan untuk penyewaan hanya boleh diiklankan setelah diluluskan oleh Yang Dipertua MPSP

5.0 TARIKH BERKUATKUASA

5.1 Garis Panduan ini akan diguna pakai bermula 1 Mac 2018.

